

28/06/2005

RAFIDAH-PROTON

KERAJAAN TIDAK LINDUNGI KUMPULAN NAZA, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Kerajaan hari ini menafikan dakwaan bahawa ia melindungi Kumpulan Naza sambil membiarkan Proton sehingga memberikan kesan kepada pasaran domestik, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Katanya, kenderaan pelbagai guna kumpulan Naza, Ria, telah diiktiraf sebagai kereta nasional dan mendapat layanan yang sama seperti Proton.

"Selepas itu (Naza Ria), tiada lagi (perlindungan)," katanya.

Dengan itu, kata Rafidah, dakwaan itu adalah tidak benar kerana "bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir (Mohamad) sendiri telah meluluskan Naza Ria sebagai kereta nasional (ketika tempoh pentadbirannya)."

Menurutnya, MITI juga tiada urusan dengan Proton.

"Proton tidak pernah membuat dakwaan secara langsung terhadap kami. Saya hanya mendapat berita ini ini daripada akhbar. Melainkan Proton menyatakannya, kami akan memberitahu secara tepat (apa yang mereka perlu lakukan)," katanya selepas melancarkan Bilik Pameran NAZA World Hyper di sini hari ini.

Beliau berkata, demikian ketika mengulas laporan akhbar yang memetik dakwaan para pegawai atasan Proton yang menyatakan bahawa langkah kerajaan melindungi Naza memberi kesan kepada jualan Proton.

Bagaimanapun, di sebalik mempersalahkan orang lain, Rafidah berkata, Proton perlu melihat kelemahannya dan memperbetulkannya.

"Jangan mempersalahkan sesiapa. Lihat ke dalam syarikat itu sendiri dan lihat kelemahannya dan kenal pasti segmen pasaran anda," kata Rafidah.

"Kini, mereka (Proton) mendapat pengerusi baru dan saya berkeyakinan pengerusi baru itu akan melakukan yang terbaik untuk menjadikan Proton lebih dinamik dalam konteks persaingan global yang tidak dapat dielakkan oleh sesiapa," katanya.

Pada satu masa, Proton berupaya untuk mengeksport sehingga 27,000 unit kereta setahun. "Anda boleh melakukannya sekali lagi," katanya.

Bagi tahun kewangan berakhir Mac 2005, Proton mengeksport 17,243 unit dari 7,338 unit dalam tahun sebelumnya.

Katanya, Proton hendaklah mencari ciri-ciri khususnya dan tidak bersaing dengan kereta-kereta Korea sama ada di Malaysia atau di Korea kerana ia lebih murah.

Beliau berkata, bagaimana sesetengah kereta berenjin kecil berharga hanya AS\$8,000 (RM30,400) selepas dicukai di Korea.

"Kecuali ianya berjenama terkenal seperti Mercedes, BMW atau Ferrari, orang Korea tidak akan membeli Proton atau kereta Jepun kerana kereta mereka sendiri lebih murah.

"Saya diberitahu bahawa malah kereta Jepun juga tidak dapat bersaing di Korea. Honda hanya telah memasuki pasaran baru-baru ini dan jualan mereka tidak berapa baik kerana kereta Honda berharga lebih mahal.

Proton boleh cuba memasuki Korea dan menguji kemampuannya," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Ahmad Husni Hanadzlah berkata, wujud satu keperluan untuk berusaha bagi mencapai pertumbuhan Produktiviti Faktor Menyeluruh (TFP) memandangkan adanya persaingan global yang sengit.

Dalam satu kenyataan bagi menutup majlis penyampaian Program dan Persijilan Kerjasama Teknikal Malaysia di sini hari ini, beliau berkata, kerajaan sangat responsif kepada perubahan dalam persekitaran perniagaan global.

Menurutnya, tindakan-tindakan dasar sentiasa dikaji dan tindakan-tindakan baru diambil untuk membuka peluang diadakan perniagaan untuk mengekalkan daya saing.

Baru-baru ini, beliau berkata, melalui Jawatankuasa Kabinet mengenai Daya Saing Nasional (CCNC), penekanan diberi untuk menambah baik sistem penyampaian kerajaan, sambil meningkatkan daya saing Malaysia melalui penyumberan luar dan pembangunan seterusnya perusahaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia.

-- BERNAMA

MAZ MR CL KTC AHM